

ABSTRAK

Umat Islam di Malaysia sejak sekian lama telah mengamalkan fiqh mazhab al-Shāfi‘ī khususnya dalam permasalahan ibadat. Pengamalan fiqh mazhab al-Shāfi‘ī walaupun telah menjadi budaya tempatan tetapi masih juga terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa ianya bersifat rigid sehingga menyukarkan pengamalannya dalam situasi tertentu. Jika dilihat kepada prinsip dan kaedah fiqh iaitu konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* yang diamalkan dalam mazhab al-Shāfi‘ī jelas menunjukkan bahawa dakwaan tersebut tidak mempunyai asas yang kuat. Justeru itu, hubungkait di antara konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* tersebut perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana pengamalan ibadat dalam mazhab al-Shāfi‘ī yang mengutamakan gabungan di antara konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a*. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan sejauh mana pemakaian konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* dalam permasalahan ibadat. Kaedah pemakaian kedua-duanya juga dijelaskan untuk membezakan keutamaan terhadap pemakaian *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a*. Kajian ini dilakukan berasaskan kajian perpustakaan sepenuhnya dengan merujuk kepada sumber-sumber primer dan sekunder serta buku-buku yang terkini yang membicarakan tentang hubungkait konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* berdasarkan mazhab al-Shāfi‘ī dalam permasalahan ibadat. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* mempunyai hubungkait di antara satu sama lain. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* diterapkan oleh mazhab al-Shāfi‘ī dalam permasalahan hukum berkaitan dengan ibadat. Permasalahan konsep *iḥtiyāt* dan kaedah fiqh *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* ini perlu difahami secara mendalam oleh umat Islam untuk mencapai matlamat suruhan agama khususnya dalam melaksanakan

perintah serta mencapai kesempurnaan dalam ibadat terhadap Allāh SWT. Diharapkan kajian ini dapat memberikan *input* yang baik khususnya dalam menjelaskan fleksibiliti mazhab al-Shāfi‘ī terhadap permasalahan ibadat.

ABSTRACT

For centuries, Muslims in Malaysia follow the school of al-Shāfi‘ī especially in matters of ritual worships and it has ever since penetrated as part of accepted cultural values though there exist some claims of its rigidity. A close introspection into the concept of *iḥtiyāṭ* and legal maxim of al-Shāfi‘ī’s jurisprudence of *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* shows that these claims have no concrete basis. Thus, the relationship between the concepts of *iḥtiyāṭ* and legal maxim *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* in al-Shāfi‘ī school need to be analyzed to see the extent of their pragmatism in Islamic ritual worships. This research focuses on attempted explanations of the pragmatic depth therein between *iḥtiyāṭ* and the legal maxim *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* as far as *ibādāt* (ritual worships) are concerned which includes comparing degree of priorities when applying both concepts. It is solely based on primary and secondary sources and data from library researches. The finding of this research shows that the concept of *iḥtiyāṭ* and legal maxim *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* are highly related to each other especially in dealing with problems pertaining to matters of ritual worships. Hence, the issues of *iḥtiyāṭ* and legal maxim *idhā ḍāq al-amr ittasa‘a* need to be fully acknowledged by Muslims so as to be in extra understanding of their religious obligations. It is hope that this research leads to positive implications especially in confirming the flexibility of al-Shāfi‘ī school in matters related to worships.